

18 JUL 1998

PERLIS ANJUR KLINIK RAKYAT DUA KALI SEMINGGU

KANGAR, 18 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim akan bersama rakyat sebanyak dua kali seminggu pada "klinik rakyat" yang diadakan setiap Jumaat dan Sabtu.

Di bawah program itu, beliau akan mengetuai ketua-ketua jabatan dan agensi menemui rakyat di kawasan tertentu bagi mengenalpasti masalah mereka untuk diselesaikan.

"Kita akan terus bertemu rakyat bagi menawarkan khidmat serta mendedahkan mereka dengan pelbagai peluang melalui jabatan dan agensi," katanya kepada para pemberita selepas mengetuai klinik rakyat di Kubang Gajah dekat sini, hari ini.

Sebelum ini, klinik rakyat diadakan setiap Sabtu di pejabat Menteri Besar tetapi kurang mendapat sambutan.

Shahidan berkata beliau gembira kerana program itu, yang mula diadakan di luar pejabat, mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Hari ini merupakan kali kedua klinik rakyat itu diadakan di luar pejabat dengan mendapat sambutan lebih 500 penduduk tempatan dan semalam kira-kira 1,000 orang menghadiri klinik rakyat yang diadakan di Changkat Jawi dekat sini.

Antara khidmat yang ditawarkan kepada orang ramai ialah pemeriksaan kesihatan percuma, khidmat nasihat di samping menawarkan pinjaman melalui Dana Pertanian, Penternakan dan Keusahawan.

Mengenai laporan post mortem kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil parlimen Arau pada 4 Julai lepas, Shahidan berkata laporan itu telah siap dan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin ini.

-- BERNAMA

AD NAK